

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL KEMPEN “PB DEPOSIT TETAP / DEPOSIT BERTEMPOH-i”

Kempen “PB Deposit Tetap / Deposit Bertempoh-i” (“Kempen”) ini dilancarkan bersama-sama oleh Public Bank Berhad (No. Pendaftaran 196501000672 (6463-H)) (“PBB”) dan Public Islamic Bank Berhad (No. Pendaftaran 197301001433 (14328-V)) (“PIBB”) (secara kolektif dikenali sebagai “Bank”). Terma dan syarat yang berikut mengawal Kempen ini.

1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 Januari 2022 hingga 30 April 2022**, (termasuk kedua-dua tarikh tersebut atau tarikh lain seperti yang ditentukan oleh Bank (“Tempoh Kempen”)).
- 1.2 Kempen ini boleh didapati di semua cawangan PBB dan PIBB di Malaysia.

2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu PBB dan PIBB berumur 18 tahun dan ke atas pada waktu penyertaan termasuk bukan pemastautin, kakitangan tetap atau kontrak PBB, PIBB dan Public Investment Bank Berhad (“PIVB”) (“Peserta yang Layak”).
- 2.2 Bagi akaun yang dibuka oleh ibu atau bapa / penjaga bagi pihak kanak-kanak, Peserta yang Layak ialah ibu atau bapa / penjaga seperti yang tercatat dalam rekod PBB atau PIBB.
- 2.3 Mereka yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:
 - a) pelanggan bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan;
 - b) orang yang tidak waras;
 - c) orang yang telah diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa jua bentuk terhadap mereka; dan
 - d) orang yang akaunnya dipegang oleh PBB / PIBB culas atau tidak disenggara dengan memuaskan seperti yang ditetapkan oleh PBB / PIBB.

3. Butir-butir Kempen

3.1 Produk yang Layak di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:

Bil.	Produk yang Layak
1	Akaun Deposit Tetap PB Golden 50 PLUS (“DT50”)*
2	Deposit Tetap PLUS (“DT PLUS”)*
3	Deposit Bertempoh-i (“DB-i”)*

* Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

3.2 Peserta yang Layak yang membuat peletakan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) bagi setiap resit deposit tetap (“resit”) dalam Produk yang Layak semasa Tempoh Kempen layak untuk menikmati kadar faedah / keuntungan promosi ini:-

Tempoh	Kadar Faedah / Keuntungan Promosi (% setahun)	
	DT50	DT PLUS / DB-i
6 bulan	2.25	2.20
9 bulan	2.30	2.25
12 bulan	2.35	2.30

3.3 Peserta yang Layak dibenarkan untuk membuat peletakan DT50 / DT PLUS / DB-i dalam resit berganda tertakluk pada amaun minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) setiap resit dan sehingga maksimum Ringgit Malaysia Sepuluh Juta (RM10,000,000) setiap Produk yang Layak.

3.4 Semua wang atau dana di bawah Kempen ini mestilah dana baharu. “Dana baharu” merujuk apa-apa wang atau dana yang bukannya daripada dana sedia ada dalam akaun deposit Peserta yang Layak sama ada dipegang secara bersendirian atau bersama-sama dengan orang lain dan disenggara dengan PBB atau PIBB. Peserta yang Layak mesti membuat peletakan deposit dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar dari tarikh wang atau dana itu dipindahkan atau dikreditkan dalam akaun Peserta yang Layak, jika tidak wang atau dana itu tidak lagi dianggap “dana baharu”.

- 3.5 Kaedah pembayaran faedah / keuntungan bagi Produk yang Layak adalah seperti yang berikut:

Produk yang Layak	Kaedah Bayaran Faedah / Keuntungan
DT50	Faedah DT50 akan dikreditkan dalam Akaun Semasa / Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i (CASA / CASA-i) yang ditentukan milik Pemegang Akaun pada setiap bulan.
DT PLUS / DB-i	Apabila matang, faedah DT PLUS / keuntungan DB-i (mana-mana yang berkenaan) akan ditambah kepada amaun pokok atau dikreditkan dalam CASA / CASA-i yang ditentukan milik Pemegang Akaun menurut peraturan pengendalian biasa PBB / PIBB bagi pengkreditan faedah DT PLUS / keuntungan DB-i (mana-mana yang berkenaan) dalam CASA / CASA-i.

- 3.6 Faedah atau keuntungan (mana-mana yang berkenaan) dikira berdasarkan bilangan hari sebenar.
- 3.7 Peletakan DT50 itu hanyalah untuk 6 bulan atau 9 bulan atau 12 bulan sahaja. Kadar faedah promosi hanya diterima pakai untuk satu (1) pusingan sahaja. Peletakan DT50 itu akan diperbaharui secara automatik bagi tempoh 6 bulan atau 9 bulan atau 12 bulan pada kadar faedah kaunter semasa PBB dan faedah DT50 akan dikreditkan dalam CASA / CASA-i yang ditentukan milik Peserta yang Layak pada setiap bulan.
- 3.8 Peletakan DT PLUS / DB-i itu hanyalah untuk 6 bulan atau 9 bulan atau 12 bulan sahaja. Kadar faedah / keuntungan promosi hanya diterima pakai untuk satu (1) pusingan sahaja. Peletakan DT PLUS / DB-i itu akan diperbaharui secara automatik bagi tempoh 6 bulan atau 9 bulan atau 12 bulan pada kadar faedah / keuntungan kaunter semasa PBB / PIBB dengan faedah DT PLUS / keuntungan DB-i (mana-mana yang berkenaan) akan ditambah kepada amaun pokok atau dikreditkan dalam CASA / CASA-i yang ditentukan milik Peserta yang Layak apabila matang.
- 3.9 Pemegang akaun bagi DT50 / DT PLUS / DB-i dan CASA / CASA-i mestilah dalam nama individu yang sama.
- 3.10 **Apa-apa peletakan DT50 / DT PLUS / DB-i yang dibuat di bawah Kempen ini dan dikeluarkan sebelum kematangannya tidak layak untuk apa-apa faedah / keuntungan (mana-mana yang berkenaan).**

Keadaan di atas akan terus diterima pakai apabila peletakan DT50 / DT PLUS / DB-i diperbaharui.

- 3.11 Bagi DT50 yang dikeluarkan sebelum kematangannya, apa-apa faedah bulanan yang dikreditkan dalam CASA / CASA-i yang ditentukan sebelum pengeluaran DT50 akan ditolak daripada amaun pokok sebelum perolehan daripada pengeluaran DT50 dikeluarkan kepada Peserta yang Layak.
- 3.12 Pengeluaran sebahagian peletakan dalam DT50 / DT PLUS / DB-i adalah **tidak** dibenarkan.
- 3.13 Semua arahan bagi pengeluaran peletakan DT50 / DT PLUS / DB-i mesti dibuat dengan memberi arahan bertulis yang jelas dan tepat dan ditandatangani dengan sewajarnya oleh penandatangan dibenarkan pemegang akaun tersebut berkaitan dengan pengeluaran dan pelupusan deposit berkenaan. PBB dan PIBB berhak untuk menolak / mengelak daripada melaksanakan arahan tersebut sekiranya tandatangan pada dokumen seumpama itu, pada pandangan PBB / PIBB, berbeza daripada tandatangan contoh yang diberi, mengikut keadaan dalam sistem PBB atau PIBB. Semua pindaan dalam arahan tersebut hendaklah disahkan dengan tandatangan dibenarkan seperti mana tandatangan contoh dalam sistem PBB atau PIBB.
- 3.14 Apa-apa peletakan DT50 / DT PLUS / DB-i yang dibuat di bawah Kempen ini tidak akan dibenarkan untuk dijadikan sandaran bagi apa-apa overdraf / kemudahan tunai-i atau apa-apa kemudahan atau pembiayaan lain.
- 3.15 Kempen ini **tidak** sah dengan promosi produk lain yang ditawarkan serentak oleh PBB dan/atau PIBB.

4. Terma dan Syarat Am

- 4.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak, terma dan syarat yang mengawal CASA / CASA-i (termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan/atau semakan semula terma dan syarat ini). Sekiranya terdapat ketakseragaman antara terma dan syarat ini dengan terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak dan terma dan syarat yang mengawal CASA / CASA-i, terma dan syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.
- 4.2 Peserta yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB dan PIBB, dan keputusan PBB dan PIBB berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas mereka. PBB dan PIBB tidak akan melayani apa-apa rayuan atau surat-menyurat daripada mana-mana Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga.
- 4.3 Peserta yang Layak bersetuju dan memberi keizinan kepada PBB dan PIBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan semua maklumat kepada Produk yang Layak, CASA dan CASA-i bagi tujuan Kempen ini.

- 4.4 PBB dan PIBB tidak akan bertanggungjawab mahupun menerima apa-apa liabiliti dalam apa juga bentuk dan walau bagaimana sekali pun yang timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh PBB dan PIBB secara khusus berkaitan dengan Kempen ini.
- 4.5 PBB dan PIBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Kempen ini yang disiarkan dalam media massa, bahan pemasaran dan pengiklanan.
- 4.6 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB dan PIBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, waranti atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa pengesahan terhadap apa-apa yang diterbitkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk sesuatu tujuan berkaitan dengan Kempen ini.
- 4.7 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara terma dan syarat ini dengan apa-apa pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat Kempen ini akan diterima pakai.
- 4.8 PBB dan PIBB berhak untuk:
 - a) Menambah, memotong atau mengubah terma dan syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan di laman web PBB / PIBB, mempamerkan notis di cawangan PBB / PIBB atau kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB / PIBB dari semasa ke semasa.
 - b) membatalkan, menarik balik, menggantung atau menamatkan Kempen ini sebelum berakhirnya Kempen ini, sepenuhnya atau sebahagiannya dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan di laman web PBB / PIBB, mempamerkan notis di cawangan PBB / PIBB atau kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB / PIBB dari semasa ke semasa. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PBB / PIBB bagi mana-mana atau semua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang Layak.

- c) menyemak semula kadar faedah / keuntungan promosi di bawah Kempen ini dengan memberi notis awal kepada Peserta yang Layak dengan menulis dalam laman web PBB / PIBB, mempamerkan notis di cawangan PBB / PIBB atau apa juga kaedah seperti yang ditentukan oleh PBB / PIBB dari semasa ke semasa.

4.9 Terma dan syarat ini akan dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.

4.10 Peserta yang Layak boleh membaca Notis Kerahsiaan PBB atau PIBB yang menyatakan bagaimana PBB atau PIBB menggunakan maklumat Peserta yang Layak melalui www.pbebank.com atau www.publicislamicbank.com atau mana-mana cawangan PBB atau PIBB.

Ruang Selebihnya pada Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong
